

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.**

Tel: K.Tr. 631957 Samb. 2308/2312

Ruj. kami: PTG.TR.G/05/1988/06/02-(2).
Bertarikh: 20 November 1988.
Bersamaan: 10 R'Akhir 1409.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 6/1988.

BAYARAN PENGAMBILAN DAN PENGALIHAN BAHAN BATUAN.

Arahan ini dikeluarkan untuk penyelarasan pungutan bayaran pengambilan dan pengalihan bahan batuan. Di samping itu ianya juga bertujuan untuk memperkemaskan sistem pengeluaran permit pengalihan kepada orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat yang berurusan dengan Pejabat Tanah.

2. Dengan bertujuan menyelaraskan pungutan antara semua daerah, mulai 1 Januari 1989, Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki memungut bayaran pengambilan dan pengalihan batu kuari, batu bata dan pasir pada tiap-tiap awal bulan atau kata lainnya pengusaha hendaklah membuat bayaran pengalihan terlebih dahulu sebelum pengalihan dibuat.
3. Bagi pengalihan tanah merah, rumput dan lain-lain bahan batuan, bayaran hendaklah dibuat sehari lebih awal daripada tarikh yang hendak ditahlikan.
4. Pentadbir Tanah Daerah juga hendaklah mengeluarkan tiket untuk dibawa oleh pemandu-pemandu lori semasa pengalihan dilakukan. Contoh tiket sebagaimana di Lampiran 'A'.
5. Pengalihan bahan batuan hanya dibenarkan pada hari-hari bekerja sahaja. Permohonan untuk kebenaran mengalih bahan batuan pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am hendaklah dibuat seminggu terlebih awal dan kebenaran itu hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Tanah dan Galian sebelum tarikh pengalihan.
6. Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 1/1979 adalah terbatal.

* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA *

(DATO' BENTARA LUAR)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

TIKET UNTUK PENGELUARAN DAN PENGANGKUTAN BAHAN BATUAN

Nama Pemegang Permit : _____

Jenis Bahan-Batuan Dan Kuantiti : _____

No. Permit : _____

No. Kenderaan : _____

Berat Kenderaan : _____

Tempat Di Ambil : _____
: _____

Tempat Di Bawa : _____
: _____

Jarak : _____

Masa Dan Tarikh : _____

Peringatan: Tiket ini hanya sah digunakan apabila ditandatangani dan Cop Pentadbir Tanah Daerah.

- (a) Persekitaran (Gelanggang 100 KTM)
- (b) Persekitaran (Gelanggang 150 KTM)
- (c) Persekitaran (Gelanggang 180 KTM)
- (d) Persekitaran (Gelanggang 200 KTM)
- (e) Persekitaran (Gelanggang 250 KTM)
- (f) Persekitaran (Gelanggang 300 KTM)
- (g) Persekitaran (Gelanggang 350 KTM)
- (h) Persekitaran (Gelanggang 400 KTM)
- (i) Persekitaran (Gelanggang 450 KTM)
- (j) Persekitaran (Gelanggang 500 KTM)
- (k) Persekitaran (Gelanggang 550 KTM)
- (l) Persekitaran (Gelanggang 600 KTM)
- (m) Persekitaran (Gelanggang 650 KTM)
- (n) Persekitaran (Gelanggang 700 KTM)
- (o) Persekitaran (Gelanggang 750 KTM)
- (p) Persekitaran (Gelanggang 800 KTM)
- (q) Persekitaran (Gelanggang 850 KTM)
- (r) Persekitaran (Gelanggang 900 KTM)
- (s) Persekitaran (Gelanggang 950 KTM)
- (t) Persekitaran (Gelanggang 1000 KTM)

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1989.**

Daftar Dokumen-Dokumen Yang Diterima Di Pejabat Pendaftar / Pejabat Tanah

Arahan dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-Pendaftar dan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah mengenai cara menguruskan perserahan dan merekod sesuatu suratcara urusan. Adalah dinasihatkan Pendaftar-pendaftar dan Pentadbir Tanah supaya jangan menggunakan Buku Perserahan (Borang 34A KTN) bagi merekodkan penerimaan sesuatu dokumen yang tidak dinyatakan di bawah seksyen 292(1) Kanun Tanah Negara. Beberapa buah buku lain hendaklah disediakan untuk kegunaan merekod dokumen-dokumen seperti itu. Buku itu boleh dinamakan "Daftar Dokumen- dokumen Yang Diterima di Pejabat Pendaftar / Pejabat Tanah" dan dipanggil Buku Runcit 2A hingga 2E, Buku Daftar Permohonan 3A hingga 3E.

2. Bagi dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah seksyen 292 (1) Kanun Tanah Negara, lanya hendaklah direkodkan di dalam Buku Urusniaga (Borang 34A KTN - Buku 1) sebagaimana berikut :-

2.1 BUKU URUSNIAGA (BUKU 1)

2.1.1 Buku 1A

- a) Pindahmilik tanah atau bahagian (Borang 14A KTN)
- b) Gadai tanah (Borang 16A/16B KTN)
- c) Pelepasan gadai (Borang 16N)

2.1.2 Buku 1B

- a) Pajakan tanah (Borang 15A KTN)
- b) Penyerahan balik pajakan (Borang 15C KTN)
- c) Perakuan jualan (Borang 16I KTN)
- d) Pemberian ismen (Borang 17A/17B KTN)
- e) Melepaskan ismen (Borang 17C KTN)
- f) Pindahmilik pajakan (Borang 14A KTN)
- g) Gadai pajakan (Borang 16A/16B KTN)
- h) Pelepasan gadai pajakan (Borang 16N KTN)
- i) Perakuan jualan pajakan (Borang 16F KTN)
- j) Pajakan kecil (Borang 16B KTN)
- k) Penyerahan balik pajakan kecil (Borang 15C KTN)
- l) Pindahmilik pajakan kecil (Borang 14A KTN)
- m) Gadai pajakan kecil (Borang 16A/16B KTN)
- n) Pelepasan gadai pajakan kecil (Borang 16N KTN)
- o) Perakuan jualan pajakan kecil (Borang 16F/16I KTN)
- p) Pindahmilik gadai (Borang 14B KTN)
- q) Penempohan gadai (Borang 16C KTN)

3. Bagi dokumen-dokumen yang tidak dinyatakan di bawah seksyen 292 (1) Kanun Tanah Negara, ianya hendaklah direkodkan di dalam Buku Runcit sebagaimana berikut:-

3.1 BUKU RUNCIT (BUKU 2)

3.1.1 Buku 2A

- a) Pembahagian harta pesaka kecil
- b) Perintah mahkamah mengenai tarekah

3.1.2 Buku 2B

- a) Pengambilan tanah

3.1.3. Buku 2C

- a) Kemasukan kaveat pendaftar
- b) Kemasukan kaveat persendirian
- c) Melanjutkan tempoh kaveat persendirian
- d) Kemasukan kaveat pemegang lten
- e) Kemasukan kaveat amanah
- f) Menarik balik kaveat persendirian
- g) Permohonan membatalkan kaveat persendirian
- h) Pendaftaran perintah menegah
- i) Pendaftaran perlanjutan tempoh perintah menegah
- j) Perintah larangan

3.1.4. Buku 2D

- a) Permohonan pendaftaran sebagai pemegang amanah.
- b) Permohonan pendaftaran sebagai penguasa
- c) Permohonan pendaftaran sebagai penyewa
- d) Permohonan pendaftaran sebagai wakil/wasi

3.1.5. Buku 2E

- a) Tukar syarat
- b) Batal sekatan kepentingan
- c) Penyerahan tanah sebahagian
- d) Penyerahan tanah semua bahagian

4. Adalah dinasihatkan juga bahawa maklumat-maklumat yang sepatutnya ada di dalam Buku-buku Runcit 2A sehingga 2E hendaklah meliputi ruangan-ruangan seperti berikut:-

Bilangan Siri:

Waktu Persewaan:

Jam:

Minit:

Jenis Dokumen:

Bil. Fail/Jld. & Follo:

Dihantar/diserah oleh:

No. K.P:

Tanah yang terlibat (Jenis dan nombor hakmilik):

Dimasukkan dan dicatatkan oleh:

Hal-hal lain:

5. Perlu diperhatikan iaitu dokumen-dokumen yang diserahkan itu tidak mempunyai nombor persewaan. Sebaliknya akan diganti dengan nombor siri.

6. Adalah dinasihatkan bahawa dokumen-dokumen yang telah diterima itu mempunyai nombor siri/perserahan, jilid dan folionya sendiri. Diingatkan juga iaitu bagi setiap tahun baru, no. siri/ no. perserahan, jilid dan folio tersebut mestilah dimulakan dengan bilangan satu. Contohnya No. Siri pertama untuk tahun 1989, ditulis sebagai No. Siri 1/1989 Jld. 1 Follo 1.

7. Selain daripada dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas, terdapat juga aktiviti lain yang diproses seperti permohonan pecah sempadan, pecah bahagian dan cantuman tanah. Aktiviti-aktiviti ini perlu direkodkan penerimaannya seperti yang dinyatakan di dalam pekelliling KPTG Bil. 7/1972. Catatan pendaftaran permohonan-permohonan ini adalah digolongkan ke dalam Buku Daftar Permohonan (Buku 3) bersekali dengan catatan bagi pindaan-pindaan yang dilakukan mengikut seksyen 378 dan 380 Kanun Tanah Negara. Buku-buku ini adalah sebagaimana berikut:-

7.1. BUKU DAFTAR PERMOHONAN (BUKU 3)

7.1.1. Buku 3A

- a) Permohonan tanah

7.1.2. Buku 3B

- a) Pecah Sempadan
b) Pecah bahagian
c) Cantuman tanah

7.1.3. Buku 3C

- a) Daftar Permohonan tukar syarat

7.1.4. Buku 3D

- a) Serah balik tanah
b) Serah balik sebahagian tanah

7.1.5. Buku 3E

- a) Pembetulan di bawah seksyen 376 KTN
b) Pembetulan di bawah seksyen 380 KTN

8. Pendaftar-pendaftar dan Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dengan ini dikehendaki menyelenggarakan "Daftar Dokumen-dokumen yang diterima di Pejabat Pendaftaran/ Pejabat Tanah" dan juga daftar permohonan seperti yang dinyatakan di atas dan pemakaian Pekeliling KPTG Bil. 6/1980 adalah dengan ini disesuaikan dengan kehendak semasa Pentadbiran Tanah Negari Terengganu.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' BENTARA LUAR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

PTG.TR.G/05/1988/06/02.

Bertarikh: 25hb. Februari, 1989.
Bersamaan: 19hb. Rejab, 1409.